



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

LANGKAH PROAKTIF KERAJAAN DALAM MENYELESAIKAN MASALAH BANJIR DI KAMPUNG TERSANG, RANTAU PANJANG

Saya mengambil maklum berhubung maklum balas yang diterima dari penduduk di sekitar Kampung Tersang, Rantau Panjang yang dikatakan sering terjejas akibat banjir.

Penduduk di kawasan tersebut telah memberikan maklum balas yang positif dengan tindakan Kerajaan Persekutuan meluluskan pembinaan laluan keluar air pada benteng Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok.

Sebelum ini, beberapa penduduk Kampung Tersang telah datang berjumpa dengan saya memaklumkan mengenai masalah yang dihadapi sejurus saya dilantik menjadi Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim pada Disember 2022. Saya telah turun ke lokasi yang terjejas pada Januari 2023 untuk melihat sendiri keadaan yang dihadapi penduduk di Kampung Tersang.

Susulan daripada itu, Kerajaan Persekutuan telah mengambil tindakan proaktif jangka pendek melalui pelarasan di Kampung Tersang dengan pembinaan struktur alur limbah. Struktur ini berfungsi untuk mempercepatkan saliran dalaman bagi mengurangkan risiko banjir dan ia dijangka siap pada Ogos 2023.

Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) sedang melaksanakan PLSB Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1 dengan peruntukan berjumlah RM656 juta dan Fasa 1 dijangka siap sepenuhnya pada 13 Ogos 2024.

Fasa 1 melibatkan empat (4) skop utama iaitu pembinaan Ban Banjir Sungai Golok (26.2 km), Ban Banjir Sungai Lanchang Lemal (19.84 km), Kuala Jambu Outlet Gate dan Ban Sungai Mentua.

Projek ini dijangka dapat mengurangkan risiko banjir dengan pembinaan infrastruktur tebatan banjir; di samping mengekalkan kedalaman minimum laluan pelayaran sedalam 3 meter di muara Sungai Golok bagi tujuan laluan bot dan perlindungan muara Sungai Golok daripada risiko banjir pantai.

Tindakan jangka panjang pembinaan infrastruktur perlindungan banjir bagi kawasan lembangan Sungai Golok akan diatasi melalui PLSB Sungai Golok Fasa 2 yang akan memberi tumpuan kepada kawasan di sepanjang Sungai Golok khususnya Rantau Panjang dan kawasan penempatan di sebelah kiri Sungai Lanchang Lemal dan PLSB Sungai Golok Fasa 3 yang akan melengkapkan keseluruhan sistem tebatan banjir bagi lembangan Sungai Golok.

Pelantikan kontraktor untuk Projek PLSB Sungai Golok Fasa 2 dan PLSB Sungai Golok Fasa 3 dijangka dapat dibuat pada November 2023. Secara keseluruhannya pelaksanaan Projek PLSB Sungai Golok Fasa 1, 2 dan 3 melibatkan peruntukan berjumlah lebih RM2 bilion dan dijangka melindungi 31,000 orang penduduk dan melindungi kawasan daripada banjir seluas 66,000 hektar.

Kementerian sentiasa komited memastikan pelaksanaan Projek PLSB Sungai Golok ini dilaksanakan dengan jayanya bagi memastikan kesejahteraan rakyat serta peningkatan ekonomi Negeri Kelantan.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)
1 OGOS 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

